1. **JINM Appreciation@Eng** [T2,T3,T5,A5;TKM1, TKM2, K1, K2, PD2, PD3,PD6; SDG 4,8,9,17; PHS01 (K3); PHS04 (K3)]
2. **ECHO 1.0 (Engineering Connections for High Impact Outreach)** [T3,A1,A3,A5;TKM2,PD5;SDG1,2,4,11;PHS03(K1)]
3. **KTGS @Eng Grant** [T3,A2,A3;TKM1,TKM2,K2,K3; SDG1,2,4,11;PHS03(K3)]
4. **Communiversiti** [T3,A5;TKM3,K2,K3;SDG3,4,8,11;PHS01(K3)] K3; PHS02 (K1, K4, K5); PHS03 (K1, K3); PHS04 (K1, K3)]
5. **StarTrack: A 5-Star Guide:** [T3,T5,A1,A3; TKM1,TKM2,PD1,PD3;SDG4,8;PHS03 (K2)]
6. **Mentor Mentee@FK (JINM)** [T2,T3,T5,A1; TKM1, K1, PD3, PD6; SDG 4,6,10,17; PHS01 (K1), (K3), PHS03(K3), PHS03(K2)]
7. **ENGage-CSR** [A5;T3,T5,T6;TKM2,K3,PD5;SDG4,8,9,17;PHS03(K1), PHS04(K1)]



### AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN

1. Sesi bimbingan 1 to 1 perancangan JINM berimpak tinggi.
2. Data JINM (keterjaminan makanan projek komuniti)
3. Sharing session bersama Ketua Projek Cemerlang JINM

### PENERANGAN INISIATIF

1. **JINM Appreciation@Eng** : Program untuk pengiktirafan kepada penyelidik Fakulti Kejuruteraan yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek Jaringan Industri & Masyarakat.; Mengiktiraf impak, kualiti serta sumbangan berterusan terhadap KPI fakulti dan universiti
2. **Mentor Mentee@FK (JINM)**: Inisiatif strategik di bawah Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM), Fakulti Kejuruteraan; Bertujuan membimbing pensyarah baharu / junior / penyelidik muda melalui sokongan pensyarah berpengalaman; Memberi bimbingan berstruktur dalam perancangan, pelaksanaan dan pelaporan aktiviti JINM
3. **KTGS @Eng (Grant)**: Inisiatif fakulti di bawah Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM); Menggunakan peruntukan Tabung Amanah JINM Fakulti Kejuruteraan; Dianugerahkan kepada pegawai akademik dan bukan akademik Fakulti Kejuruteraan untuk melaksanakan projek dan aktiviti komuniti berimpak tinggi; Menggalakkan penglibatan aktif warga akademik dalam pembangunan komuniti
4. **Communiversiti** : Projek pemindahan ilmu daripada pakar FK UPM kepada sekolah; Dilaksanakan melalui lawatan dan aktiviti di fasiliti Fakulti Kejuruteraan; Memberi pendedahan STEM dan kejuruteraan kepada pelajar sekolah untuk mengukuhkan hubungan universiti-sekolah
5. **ECHO 1.0 (Engineering Connections for High Impact Outreach)** : Inisiatif komuniti berimpak tinggi Fakulti Kejuruteraan yang melibatkan semua jabatan; Platform payung kepada pelbagai projek pemindahan ilmu dan teknologi berimpak tinggi; Menjana pelaksanaan aktiviti komuniti secara bersepadu dan kolaboratif; Contoh aktiviti utama: program STEM Innovate for Impact
6. **StarTrack: A 5-Star Guide to Project Excellence (Bengkel perancangan & penulisan projek JINM Jabatan)** : Bengkel perancangan dan penulisan projek JINM peringkat jabatan; Memberi bimbingan berstruktur dalam penyediaan dan pelaksanaan projek JINM; Memfokuskan strategi pelaporan, dokumentasi dan pematuhan keperluan penilaian; Bertujuan membantu projek mencapai penarafan 5 bintang projek berimpak tinggi
7. **ENGage-CSR**: Inisiatif CSR berfokus pemindahan kepakaran kejuruteraan FK kepada komuniti melalui program STEM; FK bertindak sebagai pelaksana penuh projek, manakala syarikat sebagai penyumbang dana CSR; Program ini menawarkan CSR berimpak tinggi dan berstruktur, selaras dengan keperluan ESG, SDG serta pemerksaan komuniti dan bakat masa hadapan.

	KPI & DEFINISI OPERASI	SUB KPI	PEMBERAT KPI/ WAJARAN (%)	JUSTIFIKASI PEMBERAT	SASARAN 2025	PENCAPAIAN 2025	SASARAN (FK) 2026
1	<b>BILANGAN LIBAT URUS INDUSTRI/KOMUNITI</b> [Jumlah bilangan industri/komuniti pada tahun semasa (termasuk 1 bintang)]	-	-	-	189	692 Komuniti:130 Industri: 562	203
		<b>BILANGAN PROJEK INDUSTRI/KOMUNITI YANG BERJALAN</b>  [Jumlah projek industri/komuniti pada tahun semasa mengikut penarafan bintang (2-5 Bintang)]	Bilangan Jaringan Industri (2-5 Bintang)	Pemberat : 0.45 Bil Pensyarah : 189 (Pemberat x Bil. Pensyarah)	Berdasarkan kepada kakitangan akademik yang aktif pada tahun penilaian.	85	479
Bilangan Jaringan Industri Berimpak Tinggi (5 Bintang)	Pemberat : 0.3 Bil. Jabatan : 8 (Pemberat x Bil. Jabatan)		Berdasarkan bilangan jabatan yang ada bagi setiap fakulti.	2	28	3	
Bilangan Jaringan Komuniti Berimpak (2-5 Bintang)	Pemberat : 0.3 Bil Pensyarah : 189 (Pemberat x Bil. Pensyarah)		Berdasarkan kepada kakitangan akademik yang aktif pada tahun penilaian dengan purata 3 orang staf yang terlibat bagi satu projek komuniti	57	108	61	
Bilangan Projek Komuniti Berimpak Tinggi (4-5 Bintang)	Pemberat : 0.4 Bil. Jabatan : 8 (Pemberat x Bil. Jabatan)		Berdasarkan bilangan jabatan yang ada bagi setiap fakulti.	3	36	4	
3	<b>NILAI IMPAK PROJEK</b> [Impak penjanaaan pendapatan ke dalam dan luar UPM sesebuah projek (industri/komuniti) pada tahun semasa]	Industri (RM)	-	-	RM283,500	RM1,642,141	RM 304,500
		Komuniti (RM)	-	-	RM94,500	RM 264,071.00	RM 101,500

# PERANCANGAN STRATEGIK 2026

## TERAS 4 **TRUE NORTH**

PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN  
KEHIDUPAN TERBAIK (AKADEMIK)  
PRASISWAZAH

*Best Learning & Living  
Experience (Academic)*



## PEMETAAN DENGAN FOKUS UTAMA DAN PEMBOLEH DAYA UPM 2026 :

Melibatkan 4 Fokus Utama & semua (6) Pemboleh Daya:



T4

### PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN KEHIDUPAN TERBAIK (AKADEMIK) PRASISWAZAH

#### KENYATAAN IMPAK / MISI

Memberikan pengalaman pembelajaran yang holistik dan berkualiti serta persekitaran kehidupan yang kondusif kepada pelajar prasiswazah Fakulti Kejuruteraan, UPM bagi menyokong kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah mereka.

#### OBJEKTIF STRATEGIK

1. Menyemarakkan ekosistem Pengajaran & Pembelajaran (PdP) berteraskan teknologi terkini dan kondusif.
2. Meningkatkan tahap kepuasan pelajar bagi proses pembelajaran dan pengalaman di fakulti.
3. Memperkukuh peranan dan penglibatan alumni sebagai rakan strategik fakulti dalam menyokong pembangunan akademik, kebolehpasaran graduan dan kelestarian ekosistem pendidikan kejuruteraan.
4. Memperkasakan pembangunan pelajar kejuruteraan secara holistik melalui kecemerlangan akademik, kepimpinan, sahsiah dan kebolehan insaniah bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

#### SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOME)

1. Merujudkan minimum 1 fasiliti Future Classroom ditambah.
2. Mewujudkan chapter alumni yang aktif dan berfungsi sepenuhnya di peringkat fakulti dengan sekurang-kurangnya memperoleh 80% libat urus alumni.
3. Melahirkan pelajar kejuruteraan yang cemerlang, berdaya saing dan diiktiraf di peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

#### INISIATIF 2026

1. **Pemeriksaan Chapter Alumni Fakulti Kejuruteraan** (A2, T3, SDG4, PD5, PSHO4 (K1))
2. **Engineering Student Excellence Programme** (A1, T4, SDG4, PD3, PHSO3 (K1))
3. **iQC@Eng (Infinity Quantum Classroom)** (A4, T4, SDG4, SDG9, PD4, PHSO2 (K4))
4. **Thrive with AI** (A4, T4, SDG4, PD3, PHSO2 (K4))



#### INISIATIF 2027-2028

1. **Aplikasi Permohonan Bilik Kuliah bagi Aktiviti Akademik dan Pelajar** (A4, T4, SDG4, PD4, PHSO2 (K4))
2. **Pemeriksaan Dataran Pelajar sebagai Hab Pembelajaran dan Interaksi Pelajar** (A2, T4, SDG4, SDG9, PD4, PHSO2 (K4))
3. **Be Able @ Eng** (A1, T4, SDG4, PD4, PHSO2 (K4))



#### AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN

1. Bengkel Semakan Kurikulum, Mesyuarat Bachelo dan Pengajian Program
2. S.U.I.T (Sahsiah Unggul Individu Terpuji)
3. Pameran Projek Tahun Akhir (FYP)
4. Kem Pemantapan Organisasi (KPO)
5. Majlis Anugerah Kecemerlangan Graduan (AKG)
6. Majlis Apresiasi Pelajar
7. Engineering Program Integrated Carnival (EPIC)
8. ECD@Eng (Engineering Career Development Day)
9. Program Bridging China
10. G2GE (BEM Gap Course)

#### PENERANGAN INISIATIF

1. **G2GE (BEM GAP Courses)** : "Graduate to Graduate Engineer" merupakan sebuah program pemeriksaan profesional yang ditawarkan kepada graduan teknikal serta graduan kejuruteraan antarabangsa bagi melayakkan mereka mendaftar sebagai Graduate Engineer di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
2. **iQC@Eng**: Infinity Quantum Classroom merupakan sebuah fasiliti kelas masa hadapan.
3. **Engineering Student Excellence Programme** : Inisiatif untuk memperkasakan pelajar prasiswazah Fakulti Kejuruteraan untuk berdaya saing dan memenangi pertandingan atau anugerah di peringkat fakulti, universiti atau kebangsaan seperti Anugerah Naib Canselor (ANC), Anugerah Tokoh Siswa (ATS) dan Hadiah Utama Majlis Konvokesyen.
4. **EPIC**: Engineering Program Integrated Carnival merupakan salah satu aktiviti tahunan PEMAJU sebagai inisiatif mengeratkan perpaduan pelajar Fakulti Kejuruteraan.
5. **S.U.I.T** : Sahsiah Unggul Individu Terpuji inisiatif mesra pelajar untuk membantu pelajar yang menghadapi cabaran akademik dengan PNGK di bawah 2.50, untuk kembali mencapai prestasi terbaik mereka.
6. **ECD@Eng**: Engineering Career Development Day
7. **Majlis Apresiasi Pelajar** :Majlis anugerah kepada pelajar fakulti mengikut kohort dan jabatan
8. **Thrive with AI**: Program sesi perkongsian mengenai kesedaran dan penggunaan Kecerdasan Pembuatan dalam pengajian.
9. **Be Able @ Eng** : Inisiatif Pelaksanaan Aktiviti Akademik Mesra OKU

# SASARAN Petunjuk Prestasi (KPI) 2026

**T4**

PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN KEHIDUPAN TERBAIK (AKADEMIK)  
**PRASISWAZAH**

**KPI TNCAA  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA  
SELURUH UPM)**

KPI	PENERANGAN KPI	PEMBERAN KPI / WAJARAN (%)	SASARAN 2025	PENCAPAIAN 2025 FK	SASARAN 2026 FK
<b>5</b> <b>PELAJAR INBOUND &amp; OUTBOUND DALAM PROGRAM MOBILITI</b> a) Pelajar antarabangsa yang mengikuti program inbound di UPM ----- b) Pelajar UPM yang mengikuti program outbound di luar Negara	Pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti inbound	5	2300	251	<b>270</b>
	Pelajar UPM yang mengikuti program mobiliti outbound	5	1300	155	<b>200</b>
<b>7</b> <b>PENJANAAN PENDAPATAN DARIPADA</b> a) Pelajar Berbayar Penuh (Saluran Inklusif, Trimester, ODL, Micro-credentials, MSKK dan Antarabangsa)	Pelajar berbayar penuh bagi saluran inklusif, trimester, ODL, MC, MSKK dan antarabangsa	10	3000	T20 Bachelo: 43 Antarabangsa UG: 25 <b>Jumlah: 68</b> Peratus disumbangkan kepada sasaran 2025: 2.27%	T20 Bachelo: 50 Antarabangsa UG: 40 <b>Jumlah: 90</b>
<b>8</b> <b>PEMATUHAN OUTCOME BASED EDUCATION (OBE)</b>	Pematuhan pelaksanaan Outcome Based Education (OBE) program prasiswazah dan pascasiswazah	5	1300	8 / 8 (100%) program mematuhi OBE menggunakan sistem Putra OBE	<b>8 / 8 (100%)</b> program mematuhi OBE
<b>10</b> <b>PENINGKATAN DAYA SAING PROGRAM AKADEMIK SEDIA ADA</b>	Program akademik sedia ada yang telah melakukan peningkatan daya saing program melalui ODL/ microcredential/ WBL/ penambahan persijilan/ track internship/ APEL dll berkaitan	10	8 Program Bachelo	8 / 8 (100%) program Bachelo berdaya saing (Akreditasi Badan Profesional – EAC)	<b>8 / 8 (100%)</b> program Bachelo



T4

### PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN KEHIDUPAN TERBAIK (AKADEMIK) SISWAZAH

**KENYATAAN IMPAK / MISI**  
MENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN KEHIDUPAN TERBAIK (Akademik - Siswazah) yang menjadi rujukan pembelajaran di peringkat Global

## PEMETAAN DENGAN FOKUS UTAMA DAN PEMBOLEH DAYA UPM 2026 :

Melibatkan 4 Fokus Utama & semua (6) Pemboleh Daya:

FU1- PKM

FU3- KG

FU2- KPL

FU5- JP



### OBJEKTIF STRATEGIK

1. Meningkatkan kualiti program siswazah bagi melahirkan graduan yang kompetitif dan berdaya saing dalam pasaran pekerjaan global
2. Melahirkan Graduan siswazah kejuruteraan berkualiti tinggi, holistik dan berdaya saing di peringkat Global.
3. Meningkatkan Prasarana Akademik dan Persekitaran yang Kondusif bagi menyokong kesejahteraan pelajar siswazah di Fakulti Kejuruteraan.

### SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOME)

1. Postgraduate Colloquium: Sasaran Pencapaian (2026)
  - ≥ 1 penganjuran kolokium pascasiswazah setiap dua tahun
  - ≥ 80 peserta pelajar pascasiswazah (tempatan & antarabangsa)
  - ≥ 20% pembentangan membawa kepada penerbitan (jurnal/prosiding) dalam tempoh 12 bulan
2. Graduate Teaching Assistant (GTA) Program
  - ≥ 1 pelajar pascasiswazah dilantik sebagai GTA setiap jabatan per semester
3. GradConnect@Eng x Putra Saujana UPM
  - ≥ 5 siri perkongsian bersama pelajar pascasiswazah
  - ≥ 200 peserta pelajar pascasiswazah menyertai sesi perkongsian
4. EduConnect@Eng
  - ≥ 2 aktiviti akademik bersama pensyarah fakulti
  - ≥ 60 pensyarah terlibat dalam aktiviti EduConnect
  - ≥ 2 staf akademik terlibat sebagai fasilitator/penceramah
5. Penjenamaan Program MSKK
  - ≥ 1 program yang dijenamkan semula bagi menambahkan daya saing program
  - ≥ 15% peningkatan enrolmen pelajar baharu MSKK
6. Embedded Professional Certification Scheme
  - ≥ 1 skim pensijilan profesional diintegrasikan dalam kurikulum per semester
  - ≥ 2 badan profesional/penyedia latihan terlibat sebagai rakan strategik
  - ≥ 25% graduan memiliki minimum satu pensijilan profesional semasa bergraduasi
  - ≥ 90% kebolehpasaran graduan (dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian)

### INISIATIF 2026

1. **Postgraduate Colloquium** (A1,5; TKM1; PD3,5; SDG 4,9,17; PHSO1 (K1))
2. **Graduate Teaching Assistant Program** (A1,2; TKM1; PD2,3, SDG 4; PHSO3 (K3))
3. **GradConnect@Eng X Putra Saujana UPM** (A1; TKM1; PD3; SDG 4, 17; PHSO1 (K1))
4. **EduConnect@Eng** (A1 & SDG 4; PHSO1 (K1))
5. **Penjenamaan Program MSKK** (A1,5; TKM1; K2; PD3,5; SDG 4,11,12; PHSO1 (K1))
6. **Embedded Professional Certification Scheme** (A1,5; TKM1; K2; PD3,5; SDG 4,11,12; PHSO1 (K1))



### INISIATIF 2027-2028

1. **Engage@ENG** (A1,5; TKM1; K2; PD3,5; SDG 4,11,12; PHSO1 (K1))
2. **Postgraduate Research Excellence Programme (PERP)** (A1 & SDG 4; PHSO1 (K1))
3. **Micro-Internship** (A1; TKM1; PD3; SDG 4, 17; PHSO1 (K1))
4. **Capacity Buildings** (A1; **TKM1; PD3; SDG 4, 17; PHSO1 (K1)**)
5. **Thesis Master Class Series** (A1,2; TKM1; PD2,3, SDG 4; PHSO3 (K3))



### AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN

1. Semakan Kurikulum Program MSKK
2. Pembentukan Program Baharu MSKK
3. Bengkel Pemurniaan Hasil Pembelajaran Program (PLO) berdasarkan kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2.0 (2024) & Pengemaskinian Kurikulum mengikut Table 4 MQA bagi Program MSKK
4. Majlis Hooding Ceremony
5. GradConnect@ENG
6. EduConnect@EN
7. Engagement@ENG
8. Publication Clinic
9. Buddies@ENG
10. Rapid@ENG
11. 3 Minutes Thesis (3MT)



**T4**

**PENGALAMAN PEMBELAJARAN  
DAN KEHIDUPAN TERBAIK  
(AKADEMIK)  
SISWAZAH**

**PENERANGAN INISIATIF**

**POSTGRADUATE COLLOQUIIUM**

Satu platform akademik berstruktur yang menyediakan ruang kepada pelajar siswazah untuk membentangkan kemajuan penyelidikan, bertukar pandangan ilmiah dan menerima maklum balas konstruktif daripada pakar serta rakan penyelidik. Program ini bertujuan meningkatkan kualiti penyelidikan, kemahiran komunikasi akademik dan budaya kecemerlangan penyelidikan dalam kalangan komuniti siswazah.

**GRADUATE TEACHING  
ASSISTANT PROGRAM**

Inisiatif pembangunan siswazah yang memberi peluang kepada pelajar pascasiswazah untuk membantu pensyarah atau guru dalam pelaksanaan pengajaran, tutorial dan penilaian akademik. Program ini bertujuan memperkukuh kemahiran pedagogi dan profesional pelajar di samping menyediakan sokongan kewangan, serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

**GRADCONNECT@ENG X PUTRA  
SAUJANA UPM**

GradConnect@Eng memberi ruang kepada pelajar dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan amalan terbaik khusus kepada komuniti siswazah fakulti. Manakala Putra Sarjana menampilkan sesi perkongsian oleh pensyarah Fakulti Kejuruteraan kepada seluruh pelajar siswazah UPM, bertujuan memperluas pendedahan ilmu, memperkukuh jaringan rentas fakulti dan memupuk budaya kecemerlangan akademik di peringkat universiti.

**EDUCONNECT@ENG**

Sesi perkongsian profesional yang menampilkan penceramah jemputan berpengalaman dari dalam dan luar negara bagi berkongsi kepakaran, amalan terbaik dan inovasi terkini dalam pendidikan serta penyelidikan kejuruteraan kepada pensyarah Fakulti Kejuruteraan

**PENJENAMAAN PROGRAM MSKK**

Inisiatif penjenamaan semula program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) bagi memastikan kurikulum, hasil pembelajaran dan penawaran program lebih selari dengan kehendak industri, keperluan pasaran kerja semasa serta trend profesional global. Usaha ini bertujuan meningkatkan kerelevanan program, daya tarikan kepada pelajar tempatan dan antarabangsa, serta kebolehpasaran graduan.

**EMBEDDED PROFESSIONAL  
CERTIFICATION SCHEME**

Skim pensijilan profesional yang diintegrasikan secara strategik dalam program pengajian siswazah secara kerja kursus, bagi membolehkan pelajar memperoleh kelayakan akademik dan pensijilan profesional secara serentak. Skim ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan, kerelevanan kurikulum dengan keperluan industri serta pengiktirafan kompetensi profesional di peringkat nasional dan antarabangsa.

**ENGAGE@ENG**

Satu inisiatif flagship yang direka bentuk untuk memperkasa pembangunan holistik pelajar pascasiswazah melalui pengukuhan asas penyelidikan, kecemerlangan akademik, pendedahan global dan kebolehpasaran graduan.

**POSTGRADUATE RESEARCH  
EXCELLENCE PROGRAMME  
(PERP)**

Inisiatif strategik yang bertujuan memperkasa pelajar siswazah melalui bimbingan penyelidikan bertaraf antarabangsa, pembangunan kemahiran penerbitan berimpak tinggi dan pengukuhan jaringan global. Program ini menyokong penghasilan penyelidikan berkualiti, kolaborasi antarabangsa serta penjenamaan fakulti sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan siswazah di peringkat global.

**MICRO-INTERNSHIP**

Program penempatan jangka pendek yang memberi peluang kepada pelajar siswazah untuk terlibat dalam projek sebenar bersama industri, institusi penyelidikan atau rakan antarabangsa secara fleksibel dan berfokus. Program ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan, pendedahan kepada amalan profesional global serta pengukuhan jaringan industri-akademia tanpa menjejaskan komitmen pengajian utama.

**CAPACITY BUILDINGS**

Program pembangunan kapasiti yang direka untuk meningkatkan kompetensi akademik, penyelidikan dan profesional pelajar siswazah serta warga fakulti melalui latihan berfokus, perkongsian kepakaran dan amalan terbaik antarabangsa

**THESIS MASTER CLASS SERIES**

Siri bengkel berfokus yang bertujuan memperkukuh keupayaan pelajar siswazah dalam penulisan dan pengurusan tesis melalui bimbingan pakar, perkongsian amalan terbaik serta klinik penyelidikan berstruktur. Program ini menyokong peningkatan kualiti tesis, kecekapan proses penyelidikan dan kadar penyiapan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

# SASARAN Petunjuk Prestasi (KPI) 2026

T4

PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN KEHIDUPAN TERBAIK (AKADEMIK)

SISWAZAH


KPI	PENERANGAN KPI	PEMBERAN KPI / WAJARAN (%)	SASARAN 2025	PENCAPAIAN 2025 FK	SASARAN 2026 FK
<b>5</b> <b>PELAJAR INBOUND &amp; OUTBOUND DALAM PROGRAM MOBILITI</b> a) Pelajar antarabangsa yang mengikuti program inbound di UPM b) Pelajar UPM yang mengikuti program outbound di luar Negara	Pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti inbound dan inbound min 2 minggu	10	<b>SASARAN &amp; PENCAPAIAN UNTUK PRASISWAZAH &amp; SISWAZAH</b> Inbound (275) dan Outbound (140)= 41 <b>Jumlah: 415</b> Peratus disumbangkan kepada sasaran 2024: 11.86%	Inbound: 285 Outbound: 172 <b>Jumlah = 457</b>	Inbound: 320 Outbound: 180 <b>Jumlah = 500</b>
<b>6</b> <b>PROGRAM PUTRA OFFSHORE YANG DITAWARKAN DAN DIKTIRAF ANTARABANGSA</b>	Kumulatif bilangan program pesisir luar yang ditawarkan dan diiktiraf antarabangsa dalam dan luar negara	5	Sasaran bagi Program Putra Offshore bermula 2025	2 Program MSKK dalam proses – Universitas Tanjung Pura, Pontianak, Indonesia & Universitas Lambung Mangkurat, Indonesia	<b>2</b>
<b>7</b> <b>PENJANAAN PENDAPATAN DARIPADA</b> a) Pelajar Berbayar Penuh (Saluran Inklusif, Trimester, ODL, Micro-credentials, MSKK dan Antarabangsa) b) Program akademik secara kolaborasi dengan industri	Pelajar berbayar penuh bagi saluran inklusif, trimester, ODL, MC, MSKK dan antarabangsa  Bilangan Kerjasama program akademik dengan industri dan institusi akademik	10  5	–  2 MoU	Antarabangsa PG: = 484 + 167** = Jumlah 651 [** Pelajar bergraduat yang telah diluluskan oleh Senat pada Disember 2025]  Tempatan : 8 MoU; 6 MoA; 2 LoE Antarabangsa : 6 MoU; 6 MoA	<b>500</b>  <b>3</b>
<b>8</b> <b>PEMATUHAN OUTCOME BASED EDUCATION (OBE)</b>	Pematuhan pelaksanaan Outcome Based Education (OBE) program prasiswazah dan pascasiswazah	5	–	16/16 (100%) program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) telah membuat pelaporan pencapaian OBE bagi setiap Semester.	<b>16</b>
<b>9</b> <b>BILANGAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU YANG BERDAYA SAING</b>	Program akademik yang belum ditawarkan dan belum mempunyai pelajar bergraduat	–	3 Program baharu	2 Program Baru MSKK Master Pertanian Digital; Master Kejuruteraan Mekanikal	<b>2</b> Program baharu
<b>10</b> <b>PENINGKATAN DAYA SAING PROGRAM AKADEMIK SEDIA ADA</b>	Bilangan program akademik yang menjadi pilihan top 10 antara Universiti Awam bakal pelajar dan mendapat 85 % ke atas bagi Graduate employability graduan	10	–	–	<b>16</b>
<b>11</b> <b>PELAJAR MASTER SECARA KERJA KURSUS (MSKK) YANG MEMENUHI UNJURAN</b>		–	431	Jumlah Pelajar MSKK = 426 + 107** = 533 orang pelajar MSKK [** Pelajar bergraduat yang telah diluluskan oleh Senat pada Disember 2025]	<b>450</b>
<b>12</b> <b>PELAJAR PASCA SISWAZAH YANG MEMENUHI UNJURAN</b>	Bilangan pelajar pasca siswazah yang aktif iaitu berstatus continue, probation, provisional dan thesis submitted	–	1052	Jumlah Pelajar Pascasiswazah: = 990 + 331** = 1321 orang pelajar Pascasiswazah [** Pelajar bergraduat yang telah diluluskan oleh Senat pada Disember 2025]	<b>1100</b>




FAKULTI  
KEJURUTERAAN  
FACULTY OF ENGINEERING  
فاكولتي كجوروتراان


# PERANCANGAN STRATEGIK 2026

TERAS 5 TRUE NORTH  
PEMERKASAAN INDUSTRI



*Thriving the Industry*






**T5** PEMERKASAAN INDUSTRI

**KENYATAAN IMPAK / MISI**

Mewujudkan kerjasama strategik antara fakulti, industri, dan masyarakat bagi memacu inovasi kejuruteraan serta pembangunan mampan.

**PEMETAAN DENGAN FOKUS UTAMA DAN PEMBOLEH DAYA UPM 2026 :**

Melibatkan semua (5) Fokus Utama & semua (6) Pemboleh Daya:



**OBJEKTIF STRATEGIK**

1. Meningkatkan dan menambah baik kerjasama strategik dengan industri dan agensi kerajaan
2. Meningkatkan visibiliti kepakaran Fakulti Kejuruteraan dengan mengemaskini secara berkala di media sosial
3. Memberi pengiktirafan kepada projek industri yang mampan
4. Menghubungkan kepakaran di FK dengan industri.

**SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOME)**

1. 16 projek industri berimpak tinggi
2. Nilai Impak UPM ke Industri dengan jumlah minimum RM 304,500
3. 8 Projek Industri Antarabangsa
4. Sekurang-kurangnya 205 (1x205) Pegawai terlibat dengan program industri
5. 3 CEO@PTJ Industri

**INISIATIF 2026**

1. **JINM Appreciation @Eng** [T2,A5;TKM1, TKM2, K1, K2, PD2, PD3,PD6; SDG 4,8,9,17; PHS01 (K3); PHS04 (K3)]
2. **Mentor Mentee@FK (JINM)** [T2,T3,T5,A1; TKM1; K1; PD3, PD6; SDG 4,6,10,17; PHS01 (K1, K3); PHS03 (K3); PHS03(K2)]
3. **Sharing @Eng (Sesi Perkongsian Industri)** [T5,A1,A5;TKM1,TKM2,K2,K3,PD4,PD5;SDG4,8,9,17;PHS03(K3),PHS04(K1),K3]
4. **CEO@Eng** [T5,A2,A5;TKM2,K2,PD5;SDG4,8,9,17;PHS01(K1),PHS03(K1),PHS04(K1)]
5. **P&P- Faculty Industry Connect** [T2,T5,A2,A5;TKM3,K2,PD1,PD5,PD6; SDG9,SDG17; PHS01(K1),PHS03(K1)]



**INISIATIF 2027-2028**

1. **JINM Appreciation @Eng** [T2,A5;TKM1, TKM2, K1, K2, PD2, PD3,PD6; SDG 4,8,9,17; PHS01 (K3); PHS04 (K3)]
2. **Engineering Innovation Exhibition (EIE)** [T2, T5; A5;TKM1, TKM2; K2, K3; PD4, PD5; SDG 4,8,9,17; PHS01 (K3); PHS01 (K1, K3); PHS02 (K1, K4, K5); PHS03 (K1, K3); PHS04 (K1, K3)]
3. **Mentor Mentee@FK** [T2,T3,T5,A1; TKM1; K1; PD3, PD6; SDG 4,6,10,17; PHS01 (K1, K3); PHS03 (K3); PHS03(K2)]
4. **Sharing @Eng (Sesi Perkongsian Industri)** [T5,A1,A5;TKM1,TKM2,K2,K3,PD4,PD5;SDG4,8,9,17;PHS03(K3),PHS04(K1),K3]
5. **CEO@Eng** [T5,A2,A5;TKM2,K2,PD5;SDG4,8,9,17;PHS01(K1),PHS03(K1),PHS04(K1)]
6. **P&P :Faculty Industry Connect** [T2,T5,A2,A5;TKM3,K2,PD1,PD5,PD6; SDG9,SDG17; PHS01(K1),PHS03(K1)]



**AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN**

1. Sesi bimbingan 1 to 1 perancangan JINM berimpak tinggi.
2. Data JINM (keterjaminan makanan projek komuniti)
3. Sharing session bersama Ketua Projek Cemerlang JINM

**PENERANGAN INISIATIF**

1. **JINM Appreciation@Eng** : Program untuk pengiktirafan kepada penyelidik Fakulti Kejuruteraan yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek Jaringan Industri & Masyarakat.; Mengiktiraf impak, kualiti serta sumbangan berterusan terhadap KPI fakulti dan universiti
2. **Mentor Mentee@FK (JINM)**: Inisiatif strategik di bawah Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM), Fakulti Kejuruteraan; Bertujuan membimbing pensyarah baharu / junior / penyelidik muda melalui sokongan pensyarah berpengalaman; Memberi bimbingan berstruktur dalam perancangan, pelaksanaan dan pelaporan aktiviti JINM
3. **CEO @Eng** : Inisiatif universiti yang melantik CEO syarikat terkemuka sebagai CEO angkat kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ); Memperkukuh hubungan strategik antara fakulti dan industri berimpak tinggi ; Menyediakan peluang latihan industri dan penempatan pelajar FK di syarikat rakan industri;Menyokong penyelidikan fakulti melalui geran industri dan kolaborasi penyelidikan; Melaksanakan program CEO Talk@Eng sebagai platform perkongsian kepimpinan, industri dan teknologi
4. **Sharing @Eng Sesi Perkongsian Industri** : Inisiatif penglibatan industri di bawah Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM), Fakulti Kejuruteraan; Menjemput rakan industri untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan amalan industri semasa; Menjadi platform interaksi antara industri, pelajar dan warga akademik fakulti
5. **P&P :Faculty Industry Connect** : Singkatan kepada Pitch & Partner; satu (1) inisiatif strategik yang berfungsi sebagai platform pepadanan idea penyelidikan dan inovasi dengan rakan strategik merangkumi industri, agensi kerajaan, komuniti, pelabur dan rakan antarabangsa bagi menterjemahkan ilmu kepada impak sebenar.
6. **Engineering Innovation Exhibition (EIE)** :- Menyediakan platform kepada penyelidik Fakulti untuk mempamerkan dan memperkenalkan inovasi dalam bidang kejuruteraan kepada pihak luar; Menyediakan platform kepada pelajar, penyelidik, dan profesional untuk berkongsi idea, projek, dan penyelesaian teknologi terkini; Menyediakan platform untuk mempertandingkan hasil inovasi di peringkat PTJ dan sekaligus mewakili Fakulti di peringkat antarabangsa; Menggalakkan kreativiti, memperkukuh kerjasama antara pelbagai pihak terutama pihak industri.

	KPI & DEFINISI OPERASI	SUB KPI	PEMBERAT KPI/ WAJARAN (%)	JUSTIFIKASI PEMBERAT	SASARAN 2025	PENCAPAIAN 2025	SASARAN 2026
1	<b>BILANGAN LIBAT URUS INDUSTRI/KOMUNITI</b> [Jumlah bilangan industri/komuniti pada tahun semasa (termasuk 1 bintang)]	-	-	-	189	692 Komuniti:130 Industri: 562	203
		<b>BILANGAN PROJEK INDUSTRI/KOMUNITI YANG BERJALAN</b>  [Jumlah projek industri/komuniti pada tahun semasa mengikut penarafan bintang (2-5 Bintang)]	Bilangan Jaringan Industri (2-5 Bintang)	Pemberat : 0.45 Bil Pensyarah : 189 (Pemberat x Bil. Pensyarah)	Berdasarkan kepada kakitangan akademik yang aktif pada tahun penilaian.	85	479
Bilangan Jaringan Industri Berimpak Tinggi (5 Bintang)	Pemberat : 0.3 Bil. Jabatan : 8 (Pemberat x Bil. Jabatan)		Berdasarkan bilangan jabatan yang ada bagi setiap fakulti.	2	28	3	
Bilangan Jaringan Komuniti Berimpak (2-5 Bintang)	Pemberat : 0.3 Bil Pensyarah : 189 (Pemberat x Bil. Pensyarah)		Berdasarkan kepada kakitangan akademik yang aktif pada tahun penilaian dengan purata 3 orang staf yang terlibat bagi satu projek komuniti	57	108	61	
Bilangan Projek Komuniti Berimpak Tinggi (4-5 Bintang)	Pemberat : 0.4 Bil. Jabatan : 8 (Pemberat x Bil. Jabatan)		Berdasarkan bilangan jabatan yang ada bagi setiap fakulti.	3	36	4	
3	<b>NILAI IMPAK PROJEK</b> [Impak penjanaaan pendapatan ke dalam dan luar UPM sesebuah projek (industri/komuniti) pada tahun semasa]	Industri (RM)	-	-	RM283,500	RM1,642,141	RM 304,500
		Komuniti (RM)	-	-	RM94,500	RM 264,071.00	RM 101,500



FAKULTI  
KEJURUTERAAN  
FACULTY OF ENGINEERING  
فاكولتي كجوروتراان

# PERANCANGAN STRATEGIK 2026

**TERAS 6 TRUE NORTH**  
KESOHORAN DI PERINGKAT GLOBAL

*Global Prominence*





**T6** KESOHORAN DI PERINGKAT GLOBAL  
**PRASISWAZAH**

**KENYATAAN IMPAK / MISI**  
Kesohoran di peringkat Global

**PEMETAAN DENGAN FOKUS UTAMA DAN PEMBOLEH DAYA UPM 2026 :**

Melibatkan 3 Fokus Utama & semua (6) Pemboleh Daya:

FU2- KPL

FU3- KG

FU4- KW



**OBJEKTIF STRATEGIK**

1. Menjalin kolaborasi strategik bersama Universiti, industri & alumni di dalam dan luar negara bagi meningkatkan keterlihatan Fakulti Kejuruteraan
2. Memperkukuh strategi pemasaran & promosi program akademik, penyelidikan dan visibiliti Fakulti diperingkat antarabangsa.
3. Meningkatkan program mobiliti di peringkat antarabangsa secara strategik.

**SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOME)**

1. Peningkatan penyertaan mobiliti antarabangsa pelajar prasiswazah kejuruteraan, dengan penglibatan minimum 30 orang pelajar dalam program mobiliti jangka pendek ke China pada tahun 2026.
2. Penglibatan aktif alumni Fakulti Kejuruteraan sebagai pemudah cara mobiliti, mentor industri dan rakan strategik dalam pelaksanaan program mobiliti prasiswazah.
3. Mewujudkan model kerjasama industri yang mampan dan boleh diperluaskan, bagi menyokong program mobiliti pelajar prasiswazah secara berterusan.

**INISIATIF 2026**

1. **China @ ExplorENG 2026: Undergraduate Engineering Mobility** (A5, T4, SDG4, PD5, PSHO4 (K3))
2. **Alumni-Driven Undergraduate Engineering Mobility** (A2, T3, SDG4, PD5, PSHO4 (K1))



**INISIATIF 2027-2028**

1. **Penjanaan melalui program mobiliti prasiswazah** (A2, T4, SDG4, PD5, PSHO4 (K1))
2. **Syarikat Angkat untuk Program Mobiliti Pelajar Prasiswazah** (A2, T4, SDG4, PD5, PSHO4 (K1))



**AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN**

1. Memastikan pematuhan akreditasi antarabangsa program kejuruteraan bagi menjamin pengiktirafan ijazah di 25 negara (A3, T4, SDG4, TKM1, K1, PSHO4 (K3))
2. Program Mobiliti Pelajar Inbound dan Outbound (A5, T4, SDG4, PD5, PSHO3 (K3))
3. ExplorENG: Summer Programme 2026 (A5, T4, SDG4, PD5, PSHO4 (K3))

**PENERANGAN INISIATIF**

1. **Alumni-Driven Undergraduate Engineering Mobility:** Model kerjasama antara pelajar prasiswazah dan alumni usahawan untuk melaksanakan program mobiliti seperti memasarkan produk / perkhidmatan syarikat alumni ke program mobiliti.



T6

KESOHORAN DI PERINGKAT GLOBAL

SISWAZAH



KENYATAAN IMPAK / MISI

Kesohoran di peringkat Global

### PEMETAAN DENGAN FOKUS UTAMA DAN PEMBOLEH DAYA UPM 2026 :

Melibatkan 4 Fokus Utama & semua (6) Pemboleh Daya:

FU1- PKM

FU3- KG

FU2- KPL

FU4- KW



#### OBJEKTIF STRATEGIK

1. Menjalin kolaborasi strategik bersama Universiti, industri & alumni di dalam dan luar negara bagi meningkatkan keterlihatan Fakulti Kejuruteraan
2. Memperkukuh strategi pemasaran & promosi program akademik, penyelidikan dan visibiliti Fakulti diperingkat antarabangsa.
3. Meningkatkan program mobiliti di peringkat antarabangsa secara strategik.

#### SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOME)

1. Digital Marketing (Facebook Ads)
  - ≥ 1 kempen iklan berbayar seminggu (intake / program utama)
2. Global Alumni Ambassador Programme
  - ≥ 5 alumni global dilantik sebagai Alumni Ambassador dari 5 negara
  - ≥ 2 aktiviti promosi/engagement dilaksanakan oleh setiap ambassador
3. Global Alumni Homecoming
  - ≥ 1 program homecoming global setahun
  - ≥ 50 alumni (tempatan & antarabangsa) hadir Alumni dari 5 negara
4. Rapid@Eng
  - ≥ 6 program Rapid@Eng setahun
5. Global Graduate Mobility Programme
  - ≥ 5 institusi rakan antarabangsa terlibat
  - ≥ 6 program mobiliti ≥ 300 outbound ≥ 100 inbound

#### INISIATIF 2026

1. **Digital Marketing** (A2,5; TKM1; PD5,6; SDG 17)
2. **Global Alumni Ambassador Programme** (A1,5; SDG 17)
3. **Global Alumni Homecoming** (A1,5; TKM1; PD5,6; SDG 17)
4. **Rapid@Eng** (A1,5; TKM1; PD5,6; SDG 17)
5. **Global Graduate Mobility Programme** (A1,5; TKM1,2; PD3,5; SDG 17; PHSO1 (K1))



#### INISIATIF 2027-2028

1. **International Postgraduate Culture & Academic Immersion Programm** (A1,5; TKM1,2; PD3,5; SDG 17; PHSO1 (K1))
2. **Global Digital Outreach - International Webinar Series** (A1,5; TKM1,2; PD3,5; SDG 17; PHSO1 (K1))



#### PENERANGAN INISIATIF




1. **Digital Marketing:** inisiatif promosi strategik yang memanfaatkan penggunaan media sosial berbayar untuk meningkatkan visibiliti fakulti secara meluas di peringkat nasional dan antarabangsa. Pendekatan ini bertujuan memperkukuh penjenamaan fakulti, meningkatkan capaian kepada kumpulan sasaran yang relevan serta menarik minat pelajar berpotensi, rakan industri dan rakan akademik.
2. **Global Alumni Ambassador Programme (Postgraduate) :** Program penglibatan strategik yang melantik alumni pascasiswazah sebagai duta global Fakulti Kejuruteraan. Program ini berfungsi sebagai platform sumbangan alumni dalam bidang akademik, industri dan penyelidikan melalui perkongsian kepakaran, jaringan profesional serta promosi fakulti di peringkat antarabangsa, sekali gus mengukuhkan reputasi dan hubungan global fakulti.
3. **Global Alumni Homecoming:** Program hi-tea strategik yang menghimpunkan alumni pascasiswazah bagi mengukuhkan hubungan berterusan antara alumni dan institusi. Program ini bertujuan memperkasa peranan alumni sebagai rakan strategik dalam pembangunan akademik, penyelidikan, jaringan industri serta penjenamaan Fakulti Kejuruteraan di peringkat nasional dan antarabangsa.
4. **Rapid@ENG:** siri promosi antarabangsa yang bertujuan memperkenalkan program pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan kepada pasaran luar negara. Program ini dilaksanakan melalui sesi libat urus berfokus bersama institusi rakan, agensi pendidikan dan bakal pelajar antarabangsa bagi meningkatkan visibiliti, daya tarikan serta pengambilan pelajar antarabangsa ke Fakulti Kejuruteraan.
5. **Global Graduate Mobility Programme:** inisiatif mobiliti antarabangsa yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyertai aktiviti akademik, penyelidikan atau profesional di institusi rakan luar negara dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana. Program ini bertujuan memperkaya pengalaman global pelajar, memperkukuh kolaborasi antarabangsa serta meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing graduan di peringkat global.
6. **International Postgraduate Culture & Academic Immersion Programme :** Program jangka pendek berstruktur yang menggabungkan pendedahan akademik, penyelidikan dan pengalaman silang budaya kepada pelajar siswazah antarabangsa dan tempatan. Program ini bertujuan memperkukuh kefahaman antara budaya, memperkaya pengalaman pembelajaran global serta memposisikan fakulti sebagai destinasi pengajian siswazah bertaraf antarabangsa.
7. **Global Digital Outreach - International Webinar Series:** Siri webinar antarabangsa yang menampilkan kepakaran akademik dan profesional Fakulti Kejuruteraan kepada audiens global melalui platform digital. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan visibiliti antarabangsa fakulti, memperluas jaringan akademik dan industri, serta mempromosikan program pengajian, penyelidikan dan peluang kolaborasi di peringkat global

#### AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN

1. Promosi Program MSKK (Postgraduate Open Day)
2. Alumni Talk
3. Sharing Session by Prominent Researcher
4. Dual Degree / Joint Degree Program
5. Social Media & Digital Presence (Podcast, LinkedIn, Social Media & Short Writing)
6. ENGLink: Global Engineering Academic Network

# PERANCANGAN STRATEGIK 2026

## Asas 1-3 **TRUE NORTH**

- A1** Bakat yang Memudahkancara; 
- A2** Sumber Mampan / Kelestarian Kewangan; 
- A3** Governan yang Memudahkancara 





A1

## BAKAT YANG MEMUDAHCARA

### KENYATAAN IMPAK / MISI

MENJADI PTJ (UPM) RUJUKAN YANG MEMPUNYAI BAKAT YANG MEMUDAHCARA, SUMBER MAMPAN / KELESTARIAN SUMBER DAN GOVERNAN YANG MEMUDAHCARA MENJELANG 2027 DAN RUJUKAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN MENJELANG 2028

## PEMETAAN DENGAN FOKUS UTAMA DAN PEMOLEH DAYA UPM 2026 :

Melibatkan 4 Fokus Utama & Semua (6) Pemboleh Daya

FU2- KPL

FU4- KW

FU3- KG

FU5-JP



### OBJEKTIF STRATEGIK

1. Meningkatkan bakat yang fleksibel dan mempunyai kepelbagaian kemahiran yang melangkaui skop tugas hakiki.
2. Memberi pengiktirafan kepada staf yang mencapai hasrat dan aspirasi pengurusan fakulti.
3. Mewujudkan 1 entiti pakar dalam pelbagai bidang berkaitan kejuruteraan.

### SASARAN KEBERHASILAN (OUTCOME)

1. Bilangan staf yang menguasai kemahiran yang pelbagai.
2. Bilangan insentif yang pelbagai diwujudkan.
3. Bilangan Kumpulan Bakat yang kompeten di FK
4. Kumpulan Total Engineering Solutions

### INISIATIF 2026

1. **VKC@Eng** (TN1, A2, A3, TKM1, PD3,SDG4, SDG8 PHSO3 (K1, K20), KPIP 1);
2. **Biz Exec@Eng** (TN1, A2, A3, TKM1, PD3, SDG8);
3. **Biz Ins@Eng** (TN1, A2, A3,PD3, SDG8);
4. **GoBakat@Eng 1.0** (TN1, A2, A3, TKM1, PD3,SDG4, SDG8; KPIP 1);
5. **Majlis Pentadbir FK** (TN1, A2, A3, TKM1, PD3,SDG4, SDG8; KPIP 1)



### INISIATIF 2027-2028

1. **GoBakat@Eng 2.0** (TN1, A2, A3, TKM1, PD3,SDG4, SDG8; KPIP 1)
2. **Mentor-Mentee @Eng** (TN1, A2, A3, TKM1, PD3,SDG4, SDG8; KPIP 1)



### AKTIVITI SOKONGAN / SAMPINGAN

1. Menambahbaik urusan sangkutan staf (>2 minggu bawa masuk Mesyuarat PPSM)
2. Menggiatkan semula Klinik iR dan membentangkan urusan iR setiap kali Mesyuarat PPSM
3. Melaksanakan undian dan pelantikan Pengerusi VKC
4. Melaksanakan Mesyuarat Berkala VKC
5. Melaksanakan Mesyuarat Berkala Majlis Pentadbir FK
6. Melaksanakan Pelan Penggantian dan Laluan Kerjaya Skim Perkhidmatan
  - pensyarah - berdasarkan nisbah pegawai akademik;pelajar mengikut bidang dan keperluan akreditasi badan profesional
  - kepimpinan - fakulti kenalpasti mekanisme untuk penggantian jawatan pengurusan tertinggi (bukan berdasarkan undian dan pencalonan individu semata-mata)
7. Pelan Latihan Bersepadu Fakulti (Training Road Map)

### PENERANGAN INISIATIF

1. **VKC@Eng**: Pembentukan Jemaah Profesor (JP) dan Terma Rujukan JP FK
